

Aspirasi Masyarakat Terhadap Sekolah Agama dan Sekolah Jenis Kebangsaan

Community Aspiration Towards Religious and National Type Schools

Faridah Salleh¹, Aisah Mat Dan², Rabi'atul Aribah Muhammad Isa@Omar³, Syed Lamsah Syed Chear⁴ & Latipah Mohd Noor⁵

¹²³⁴ Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor, 45600 Bestari Jaya, Selangor, Malaysia;

⁵ Pusat Tahmidi, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia;

Article progress

Received: 14 May 2023

Accepted: 27 July 2023

Published: 30 November 2023

*Corresponding author:

Syed Lamsah Syed Chear,
Fakulti Pendidikan dan Sains
Sosial, Universiti Selangor,
Selangor, Malaysia;
Email:
syedlamsah@unisel.edu.my

Abstrak: Sekolah vernakular yang ditubuhkan sebelum kemerdekaan negara sehingga kini masih dijadikan kontroversi terutamanya dalam perdebatan di media sosial dan kalangan ahli politik. Selain sekolah jenis kebangsaan, kini terdapat sekolah swasta, sekolah antarabangsa dan sekolah agama yang mempunyai falsafah dan latar belakang penubuhan yang berbeza dengan sekolah kebangsaan. Keadaan ini menimbulkan keraguan terhadap matlamat pembinaan identiti nasional seperti ternyata dalam matlamat pendidikan kebangsaan. Objektif kajian ini adalah untuk menilai aspirasi masyarakat terhadap sekolah agama dan sekolah jenis kebangsaan. Pemilihan responden adalah secara bersasar melibatkan 322 ibu bapa berbangsa Melayu. Analisis data menunjukkan kalangan masyarakat Melayu menerima baik kewujudan kepelbagaian sekolah tetapi berharap sekolah agama perlu lebih hadapan. Penerimaan tertinggi adalah terhadap peranan penting sekolah kebangsaan untuk menyediakan asas dan memperkukuh nilai budaya bangsa serta pengalaman silang budaya dalam kalangan para pelajar, manakala sekolah agama adalah untuk membantu pelajar menguasai ilmu agama. Pemilihan jenis sekolah lebih dipengaruhi oleh kehendak ibu bapa berbanding individu disekeliling dan ibu bapa bersedia memikul tanggungjawab serta mempunyai kemampuan kewangan untuk berbuat demikian. Kajian ini memberi implikasi peningkatan stratifikasi antara kaum di sekolah-sekolah. Pembuat dasar dan agensi pendidikan di peringkat negeri dan kebangsaan dituntut untuk melaksanakan program rentas batasan kaum antara sekolah-sekolah. Kajian lanjutan untuk mengkaji potensi permuafakatan melibatkan agensi-agensi awam, swasta, berkepentingan kerajaan dan bukan kerajaan dengan pihak sekolah adalah disaran agar program yang dilaksabakan dapat meningkatkan persekitaran yang lebih terbuka antara sekolah-sekolah dan masyarakat secara umumnya.

Kata kunci: sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan, sekolah agama, stratifikasi pendidikan, silang budaya;

Abstract: The controversial debate on vernacular school still exists especially on social media and among politicians. In addition to national type schools, there are now private schools, international schools and religious schools that have different philosophy and establishment background from national schools. This situation casts doubt on the goal towards building national identity as stated in national education policy. The objective of this study is to assess the aspirations of the community towards religious stream schools and national-type schools. The respondents consist of 322 from the Malay community. Analysis of the data shows that the Malay community accepts the diversity of schools but hopes

that religious schools need to be more forthcoming. The highest acceptance is on the important role of the national school to provide the foundation and strengthen the cultural values of the nation as well as the cross-cultural experience among the students, while the religious school is to help students master religious knowledge. Parents exert greater influence over the process of school selection due to their willingness to assume responsibility and their financial means. This study has implications for increased racial stratification in schools and the role of policy makers and education agencies at the state and national levels to implement racial cross-border programs between schools. The researchers recommend that further studies be carried out to enhance cooperation between public, private and non-governmental agencies with schools to create a more open environment between schools and the broader community.

Keywords: national schools, national type schools, religious schools, educational stratification, cross-cultural;

Pengenalan

Pendidikan memainkan peranan penting dalam merealisasikan aspirasi Malaysia untuk menjadi negara maju (Wan et al., 2018). Sejak zaman penjajahan British dan selepas merdeka, para pendidik telah berusaha untuk menyatukan struktur pendidikan yang berpecah belah yang berakar umbi berasaskan masyarakatnya yang majmuk (Naidu & Rajanthiran, 2021). Namun sehingga kini sistem sekolah vernakular masih dijadikan kontroversi khususnya melalui tulisan-tulisan di akhbar dan perdebatan antara parti politik (Wen & Chibundu, 2018). Masalah etnik yang masih berlaku hari ini sering dipersalahkan kepada proses pendidikan di era penjajahan (Hassan, 2021). Chi Lick et al. (2019) menyarankan agar semua pihak perlu difahamkan bahawa perdebatan antara pelaksanaan satu atau pelbagai aliran dalam sistem pendidikan ke arah perpaduan bukanlah isu utama yang perlu dilihat tetapi yang lebih penting adalah hasrat setiap individu untuk melihat masa depan negara yang sejahtera.

Di sebalik pertikaian berhubung sistem sekolah vernakular, enrolmen murid Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) telah menjadi trend baru dalam perkembangan pendidikan di Malaysia (Raman & Tan, 2015). Pada hari ini SJKC turut menarik minat masyarakat bukan Cina. Dilaporkan setiap tahun terdapat kira-kira 100,000 pelajar bukan Cina di SJKC (Chin et al., 2021). Pilihan ibu bapa untuk persekolahan, proses pembelajaran dan corak persahabatan antara etnik adalah tiga isu saka dalam konteks trend yang muncul ini. Keadaan ini memberi gambaran berbeza terhadap isu-isu yang dibangkitkan di atas. Menurut Guan (2016), penubuhan sekolah rendah pelbagai bahasa dan sekolah menengah monolingual di Malaysia adalah model yang

tidak selesai tetapi munasabah untuk masyarakat berbilang kaum, dan sesuai dipanggil model dwibahasa peralihan. Maka, objektif kajian ini adalah untuk menilai aspirasi masyarakat terhadap Sekolah Jenis Kebangsaan dan Sekolah Agama. Soalan kajian yang ingin dijawab adalah, bagaimanakah tahap aspirasi ibu-bapa terhadap Sekolah Jenis Kebangsaan dan Sekolah Agama khususnya dalam aspek resam, tingkah-laku dan keinginan? Hasil kajian ini diharapkan dapat meningkatkan usaha pihak berkepentingan bagi menyerap nilai-nilai murni dalam masyarakat berbilang bangsa di negara ini. Ia juga diharapkan dapat membantu Kementerian untuk membuat perancangan bagi meningkatkan hubungan sekolah dengan komuniti serta kualiti persekolahan dengan lebih menyeluruh.

Tinjauan Literatur

Latar belakang kewujudan sekolah-sekolah vernakular

Sistem pendidikan di Tanah Melayu telah wujud sejak abad ke-15 walaupun ketika itu ia dianggap sebagai keistimewaan kepada kelompok feodal (Center for Public Policy Studies, 2016). Dasar ekonomi British yang mendorong kepada penghijrahan beramai-ramai kumpulan pekerja daripada China dan India menjadi faktor kepada penubuhan sekolah-sekolah vernakular di Tanah Melayu. Namun ketika itu tiada sebarang polisi berkaitan sistem persekolahan (Yaacob et al., 2020). Selepas bertahun-tahun dilaksanakan, faktor latar belakang dan perbezaan standard kurikulum antara Sekolah Inggeris, Melayu, Cina dan Tamil telah menyebabkan wujudnya jurang sosio-ekonomi dalam kalangan masyarakat (Shanmugavelu et al., 2020). Sebagai contoh, standard Sekolah Melayu sebelum

Perang Dunia Kedua (WWII) hanya sekadar memberi pengetahuan mengenai penulisan bacaan dan aritmetik serta kemahiran vokasional untuk membolehkan para belia menjadi petani dan nelayan yang lebih baik daripada ibu bapa mereka (Sivalingam, 2021). Namun desakan daripada Raja-Raja Melayu memaksa British menubuhkan *Sultan Idris Training College* (SITC) pada tahun 1922 diikuti oleh *Malay Women's Training College* (MWTC) pada tahun 1935. Menjelang kemerdekaan, pemimpin-pemimpin Melayu berterusan menuntut agar British menyediakan sistem persekolahan yang lebih baik. Laporan Barnes (1950) dikemukakan untuk memenuhi tuntutan tersebut namun kandungannya didapati turut menyentuh amalan di Sekolah Inggeris, Cina dan Tamil. Antaranya adalah konsep 'Sekolah Kebangsaan' untuk menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di semua sekolah. Rancangan ini mendapat tentangan hebat daripada masyarakat Cina. Lantaran itu Laporan Fenn-Wu dikeluarkan pada tahun 1951 yang kandungannya menggesa kerajaan untuk mengiktiraf sekolah-sekolah Cina.

Perkembangan pendidikan Cina di Malaysia mempunyai sejarah yang panjang. Pada peringkat awal sekolah Cina bersifat persendirian dan mengikut dialek berdasarkan tempat asal usul imigran Cina. Menjelang tahun 1900 an, berlaku revolusi di China dan kerajaan Kuomintang (KMT) mempengaruhi penubuhan Sekolah Cina moden yang menawarkan pendidikan kepada semua kanak-kanak tanpa mengira asal usul suku dialek (Xia et al., 2018). Pada mulanya British tidak mengendahkan sekolah-sekolah Cina. Bagaimanapun kebangkitan nasionalisme dan aktiviti anti British yang kerap melibatkan guru dan pelajar Cina menyebabkan kerajaan kolonial British mula beranggapan bahawa sekolah-sekolah Cina adalah ancaman kepada pemerintahannya. Maka pada tahun 1920 British mengkanunkan Enakmen Pendaftaran Sekolah untuk mengawal selia perkembangan sekolah Cina. Apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, terdapat 1,333 buah sekolah rendah Cina di negara ini. Ringkasnya, setelah melalui beberapa perdebatan dan penambahbaikan yang dicadangkan oleh beberapa jawatankuasa seperti Laporan Holgate 1949, Laporan Barnes 1951, Laporan Fen-Wu 1951 dan Laporan Razak 1956, maka Laporan Jawatankuasa Rahman Talib 1960 yang kemudiannya digubal sebagai Akta Pelajaran 1961 telah mewujudkan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (Abdullah & Liu, 2018). Pada mulanya masyarakat Cina lebih cenderung menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Kebangsaan (aliran Inggeris). Bagaimanapun pada tahun 1970 an iaitu apabila sekolah rendah aliran Inggeris ditukar secara berperingkat kepada sekolah rendah aliran Melayu, maka berlaku aliran keluar pelajar Cina ke SJKC (Raman & Tan, 2015). Selain mahu anak-anak

mereka melalui pendidikan bahasa ibunda demi penyelenggaraan budaya, ramai ibu bapa Cina juga tertarik dengan kualiti pendidikan yang lebih baik yang ditawarkan oleh sekolah rendah Cina serta disiplin yang lebih ketat dikenakan kepada pelajar.

Sama seperti pemerhatian terhadap impak kehadiran buruh Cina ke Tanah Melayu, kedatangan kumpulan pekerja ladang daripada India telah membawa kepada penubuhan sekolah Tamil (Shanmugavelu et al., 2020). Penubuhan sekolah Vernakular Tamil di Tanah Melayu bermula selepas penubuhan Penang Free School pada tahun 1816. Selain itu penubuhan sekolah Tamil bergantung kepada majikan atau usaha Persatuan Mubaligh. Sebagai contoh, pada tahun 1895, Sekolah Tamil St. Francis Xavier Malabar ditubuhkan oleh kumpulan mubaligh Kristian di Singapura. Buku teks diimport dari India dan memberi pengetahuan tentang budaya, sejarah, dan geografi India tanpa menekankan apa-apa tentang Tanah Melayu. British dan pihak majikan tidak memberikan sebarang bantuan sama ada secara fizikal, kewangan atau pedagogi. Sekolah-sekolah ini tidak berfungsi sepenuhnya dan kebanyakan pelajar akan tinggal di ladang getah dan menjadi buruh. Bagaimanapun pada tahun 1925, British menguatkuasakan Kod Buruh yang mewajibkan majikan menyediakan sekolah apabila terdapat lebih daripada sepuluh kanak-kanak di sesebuah ladang. Selepas merdeka sekolah-sekolah Tamil dijadikan sebagai Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) berdasarkan sistem pendidikan kebangsaan iaitu melalui proses yang sama seperti kewujudan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC).

Perkembangan Sekolah Aliran Agama

Selain daripada Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK), sekolah-sekolah yang berteraskan pengajian Agama Islam turut menyumbang kepada perkembangan pendidikan negara (Misbahrudin et al., 2021). Pelaksanaan pendidikan Islam dalam bentuk tidak formal telah bermula sejak Islam mula bertapak di Melaka sekitar abad ke 14. Pembelajaran ketika itu berlaku di rumah tok guru, surau, masjid dan istana. Aktiviti pembelajaran menumpu kepada kelas mengaji al-Quran dan huruf jawi bagi memudahkan penduduk tempatan mempelajari huruf-huruf Arab yang menjadi tunjang kepada pembacaan al-Quran. Pada pertengahan tahun 1800 an British meminta pembelajaran membaca, menulis dan mengira turut diajarkan kepada kanak-kanak. Penubuhan Sekolah Melayu menyebabkan pembelajaran al-Quran dianjak ke waktu petang. Pada masa yang sama pengajian 'pondok' diperkenalkan oleh penuntut-penuntut pengajian Islam yang kembali daripada Mekah, Mesir dan Pattani (Nor &

Othman, 2011). Pendidikan Islam diperkembangkan lagi melalui sistem madrasah atau sekolah agama yang dilengkapi dengan infrastruktur dari segi bangunan sekolah, asrama, kemudahan rekreasi dan pejabat pentadbiran. Pendidikan Islam semakin diberi perhatian setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Pada tahun 1960, kerajaan mula melaksanakan undang-undang pendidikan berdasarkan kepada Laporan Rahman Talib yang mewajibkan sekolah memberikan pendidikan agama Islam apabila terdapat 15 orang atau lebih murid-murid beragama Islam di sekolah berkenaan. Akta Pelajaran 1961 memperuntukan pelajaran agama Islam dalam jadual waktu sebanyak 120 minit seminggu. Guru-guru agama juga dilantik untuk mengajar matapelajaran tersebut. Dengan terlaksananya akta ini, murid-murid Islam terjamin mendapat pendidikan Islam selama sebelas tahun iaitu enam tahun di sekolah rendah dan lima tahun di sekolah menengah.

Pada hari ini terdapat beberapa kategori sekolah berlatar belakang pendidikan agama Islam di Malaysia. Antaranya adalah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) (Amin & Jasmi, 2012). SMKA dibangunkan berdasarkan konsep penggabungan dua aliran akademik dan agama seperti yang wujud di Kolej Islam Kelang (KIK). Di sini murid-murid dididik untuk menjadi golongan professional yang mempunyai asas akidah dan agama yang kuat. Sistem pembelajaran dan pengajaran yang berkualiti dibudayakan supaya sekolah ini menyaingi sekolah-sekolah lain di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Sehingga kini sebanyak 56 buah SMKA yang menawarkan pakej-pakej mata pelajaran Sains-Agama, Teknikal Agama dan Ikhtias Agama. Selain SMKA terdapat juga program di sekolah-sekolah yang dinamakan sebagai Kelas Aliran Agama (KAA). Pada dasarnya KAA adalah kelas-kelas yang menawarkan mata pelajaran dan aktiviti yang sama seperti di SMKA di sekolah menengah harian biasa. Bermula pada 1990, kini sebanyak 500 buah sekolah menengah harian biasa telah menawarkan KAA dengan murid berjumlah 15,000 orang di seluruh negara. SABK pula adalah sekolah-sekolah yang asalnya merupakan Sekolah Agama Rakyat (SAR) atau Sekolah Agama Negeri (SAN) yang telah berdaftar dengan KPM mulai tahun 2005 (Umar & Hussin, 2010). Pendaftaran SABK di bawah KPM memberi peluang kepada sekolah-sekolah agama yang daif mendapat bantuan secukupnya dan boleh menjalankan program pendidikan dengan lebih baik. Guru-guru di SABK juga diserapkan ke dalam skim perguruan dan diberi latihan khusus atau dilantik secara kontrak. Walaupun terdapat kajian yang menyatakan bahawa SMAR dan SABK tidak menyediakan kemudahan yang mencukupi kepada pelajar untuk pendidikan mereka (Osman et al., 2015),

namun telah terdapat sebanyak 169 buah SAN dan SAR telah mendaftar sebagai SABK di bawah KPM dan layak menerima bantuan.

Pertembungan Antara Sekolah Vernakular dan Sekolah Agama

Sistem pendidikan di Malaysia mendapat perhatian ramai pengkaji bagi tujuan mencari persepakatan membentuk masyarakat (Rahman, 2021), dan tidak kurang juga yang mempersoalkannya (Guan, 2016). Statistik menunjukkan pada tahun 2022 terdapat 1,302 buah SJKC (495,386 murid), 528 SJKT (79,309 murid) dan 43 SABK (18,273 murid) di peringkat persekolahan rendah di seluruh negara, manakala 61 buah Sekolah Agama (41,458 murid) dan 186 SABK (67,422 murid) di peringkat menengah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2023). Kajian oleh Husin dan Dawi (Husin & Dawi, 2019) menunjukkan bahawa tahap pergaulan murid pelbagai kaum di sekolah berada pada tahap tidak mesra. Sebahagian besar daripada pelajar lebih selesa bergaul dengan rakan yang sama kaum berbanding rakan berlainan kaum. Pelajar Melayu secara signifikannya menerima baik keseluruhan aktiviti yang dilaksanakan dalam program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) berbanding pelajar Cina (Hussein & Abdullah, 2018). Dapatan kajian sebegini memberi gambaran terhadap situasi di sekolah dan penerimaan dalam masyarakat. Menurut Selvadurai et al. (2015), penentangan terhadap sekolah vernakular adalah berdasarkan penegasan bahawa fungsi sekolah kebangsaan adalah untuk menyemai dan mengekalkan identiti kebangsaan serta memudahkan pengalaman dan komunikasi silang budaya sambil menghapuskan kuasa-kuasa yang lebih berasingan dan memecah-belahkan di sekolah vernakular. Sebaliknya, pengoperasian sekolah vernakular adalah bersandarkan kepada semangat untuk mengekalkan identiti budaya minoriti, mengatasi kekurangan rasa kepunyaan sekolah kebangsaan dan kualiti pendidikan yang dipersoalkan, dan menyangkal persepsi sekolah vernakular sebagai punca perpecahan kaum. Selain itu kesukaran rundingan identiti budaya dalam sistem sekolah, politik kuasa yang lebih luas dan politik pasaran saling memainkan peranan dalam mempengaruhi tentangan dan kegigihan sekolah vernakular.

Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian adalah kajian tinjauan menggunakan borang soal selidik yang diadaptasi daripada penyelidik terdahulu. Borang soal selidik terdiri daripada tiga bahagian. Bahagian A mencatatkan 5 item latar belakang responden. Bahagian B mengandungi 8 item untuk mengukur aspirasi masyarakat terhadap SJK

yang diadaptasi daripada Lee et al. (2017), manakala Bahagian C mengandungi 23 item untuk mengukur aspirasi masyarakat terhadap Sekolah Agama yang diadaptasi daripada Selvadurai et al. (2015). Pekali Alpha Cronbach digunakan untuk menentukan kebolehpercayaan borang soal selidik seperti disarankan oleh Wadkar et al. (2016) kerana ia dikatakan sesuai untuk bidang sains sosial. Analisis bagi mendapatkan nilai pekali ini dibuat secara berasingan berdasarkan dimensi kajian kerana ia dikatakan dapat memberi makna lebih tepat berbanding jika dinilai secara keseluruhan (Gliem & Gliem, 2003). Pemilihan responden adalah secara bersasar. Kajian ini merupakan tugas bagi pelajar program pendidikan yang mengikuti kursus Sejarah Pendidikan di sebuah universiti swasta terkemuka berstatus milik negeri. Tempoh pengumpulan data adalah selama tiga minggu dalam bulan Januari 2023. Oleh kerana tempoh kajian adalah terhad, maka pemilihan responden adalah terhad kepada kalangan ibu bapa, saudara mara dan kenalan kepada ibu bapa bagi para pelajar berkenaan. Para pelajar diminta memilih responden yang dapat mewakili ibu bapa yang memilih persekolahan anak mereka di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) dan Sekolah Agama (SA).

Dapatan Kajian

Kebolehpercayaan instrumen

Nilai Alpha Cronbach bagi setiap dimensi kajian ditunjukkan di Jadual 1. Skor tertinggi adalah bagi dimensi sikap ibu bapa terhadap Sekolah Agama (0.938) berbanding skor terendah iaitu aspirasi ibu bapa terhadap SJK (0.674). Menurut Barbera et al. (2021), nilai 0.7 lazimnya diterima tetapi tiada kesepakatan tentang nilai sebenar kerana ia bergantung kepada kehendak sesuatu kajian dan penjelasan yang diberi (Ursachi et al., 2015). Maka nilai rendah yang dicatatkan dalam kajian ini tidak perlu dibimbangkan kerana soal selidik yang digunakan adalah merupakan adaptasi daripada penyelidik terdahulu dan terdedah kepada pelbagai faktor persekitaran seperti bilangan item dan latar belakang responden.

Jadual 1. Nilai pekali Alpha Cronbach bagi setiap dimensi soal selidik

| No. | Dimensi | Bil. Item | Nilai Alpha Cronbach | Tahap Kebolehpercayaan |
|-----|----------------------------|-----------|----------------------|------------------------|
| 1. | Aspirasi terhadap SJK/SJKT | 8 | 0.674 | Sederhana tinggi |
| 2. | Sikap terhadap | 12 | 0.938 | Sangat tinggi |

| | SA | | | |
|----|---------------------------------|---|-------|------------------|
| 3. | Resam terhadap SA | 6 | 0.720 | Sederhana tinggi |
| 4. | Kawalan tingkahlaku terhadap SA | 4 | 0.829 | Tinggi |
| 5. | Hasrat keinginan terhadap SA | 2 | 0.932 | Sangat tinggi |

Latar belakang responden

Latar belakang responden ditunjukkan di Jadual 2a dan Jadual 2b. Responden terdiri daripada 322 ibu bapa. Majoriti berusia antara 41 – 55 tahun (177, 55%), berkelulusan sijil atau diploma (208, 64.6%) dan mempunyai 1 – 3 orang anak (217, 67.4%). Hampir separuh daripada responden pernah menghantar anak ke SJK (139, 43.2%) atau SA (149, 46.3%). Pengkaji berpendapat pecahan kelompok responden seperti ini dapat mewakili penilaian masyarakat terhadap kepelbagaian tawaran pendidikan yang terdapat di sekolah-sekolah di Malaysia. Bagaimanapun andaian yang dibuat adalah terhad kepada populasi yang ada kaitan dengan para pelajar yang mengikuti program pendidikan di institusi kajian. Ini kerana kajian ini adalah merupakan sebahagian daripada tugas bagi sekumpulan pelajar yang mengikuti kursus Sejarah Pendidikan di lokasi kajian.

Jadual 2a. Taburan julat usia dan kelayakan akademik responden

| Umur | | | Kelayakan Akademik | | |
|----------------|------|-------------|--------------------|------|-------------|
| Julat Tahun | Bil. | Peratus (%) | Peringkat | Bil. | Peratus (%) |
| Bawah 30 tahun | 26 | 8.0 | Sijil/Diploma | 208 | 64.6 |
| 31 – 40 tahun | 81 | 25.2 | Sarjana Muda | 91 | 28.3 |
| 41 – 55 tahun | 177 | 55.0 | Sarjana | 19 | 5.9 |
| Lebih 55 tahun | 38 | 11.8 | Doktor Falsafah | 4 | 1.2 |

Jadual 2b. Statistik anak ke Sekolah Agama dan Sekolah Jenis Kebangsaan

| Sekolah Agama | | | Sekolah Jenis Kebangsaan | | |
|---------------|------|-------------|--------------------------|------|-------------|
| Bilangan Anak | Bil. | Peratus (%) | Bil. Anak | Bil. | Peratus (%) |
| 0 | 173 | | 0 | 183 | |
| 1 | 72 | | 1 | 54 | |
| 2 | 41 | | 2 | 49 | |
| Lebih dari 2 | 36 | | Lebih dari 2 | 36 | |

Aspirasi ibu bapa terhadap kepelbagaian sekolah

Skor penilaian responden terhadap kepelbagaian sekolah ditunjukkan di Jadual 3a dan Jadual 3b. Skor sangat tinggi dicatatkan untuk dimensi tingkah-laku terhadap SK (5.62). Skor tinggi adalah bagi dimensi aspirasi terhadap SJK (4.82), dan hasrat keinginan terhadap SK (4.85), manakala skor sederhana tinggi dicatatkan untuk resam terhadap SK (4.43) dan sikap terhadap SK (4.11). Ianya bermaksud responden menerima baik kewujudan kepelbagaian sekolah. Pilihan responden untuk memilih sekolah adalah atas faktor pilihan sendiri iaitu tidak dikawal, tidak dipengaruhi oleh resam sekeliling tetapi didorong oleh keinginan mereka sendiri.

Jadual 3a. Skor mean bagi setiap dimensi aspirasi responden terhadap kepelbagaian sekolah

| Dimensi | Skor Purata | Sisihan Piawai | Varians |
|----------------------------------|-------------|----------------|---------|
| Aspirasi terhadap SJK/SJKT | 4.8210 | 0.81072 | 0.657 |
| Sikap terhadap SA | 4.1079 | 1.23870 | 1.534 |
| Resam terhadap SA | 4.4291 | 1.04398 | 1.090 |
| Kawalan tingkah laku terhadap SA | 5.6159 | 1.13771 | 1.294 |
| Hasrat keinginan terhadap SA | 4.8494 | 1.81457 | 3.293 |

Jadual 3b. Tafsiran berdasarkan skala skor

| Julat Skor Mean | Tafsiran |
|-----------------|----------------------|
| 1.00 – 1.85 | Sangat-sangat rendah |
| 1.86 – 2.71 | Sangat rendah |
| 2.72 – 3.57 | Sederhana rendah |
| 3.58 – 4.43 | Sederhana tinggi |
| 4.44 – 5.29 | Tinggi |
| 5.30 – 6.15 | Sangat tinggi |
| 6.16 – 7.00 | Sangat-sangat tinggi |

Aspirasi ibu bapa terhadap Sekolah Jenis Kebangsaan

Nilai skor di Jadual 4 menunjukkan bahawa kalangan responden lebih cenderung mengatakan bahawa SK menjadi platform penting yang menyediakan asas dan memperkukuh nilai budaya bangsa serta pengalaman silang budaya seterusnya mempengaruhi kepercayaan dan tingkah laku pelajar (Sangat tinggi, 5.33). Selain itu SK dapat menyemai pemikiran kolektif tentang nilai kekitaan, kepercayaan dan takdir bersama bagi membentuk identiti masyarakat Malaysia (Tinggi, 5.20), SJK berkompomi dengan kualiti pendidikan (Tinggi, 5.02), SJK mengutamakan disiplin, nilai dan prestasi (4.99), isu integrasi kaum dipengaruhi oleh pelbagai faktor di luar sekolah (Tinggi, 4.85) dan survival budaya dan identiti kaum minoriti adalah terletak kepada peranan SJK (Tinggi, 4.62). Skor lebih rendah diberikan terhadap pernyataan bahawa SJK mengutamakan kumpulan etnik dan bersifat pemisah (Sederhana tinggi, 4.39), dan kecurigaan terhadap peranan kementerian untuk menggabungkan pendidikan pelbagai bahasa dan budaya (Sederhana tinggi, 4.17).

Jadual 4. Skor mean bagi setiap item aspirasi ibu bapa terhadap Sekolah Jenis Kebangsaan

| Pernyataan | Skor Purata | Sisihan Piawai | Varians |
|---|-------------|----------------|---------|
| Asas dan nilai budaya bangsa serta pengalaman silang budaya diperkukuhkan di SK akan mempengaruhi kepercayaan dan tingkah laku pelajar. | 5.33 | 1.227 | 1.506 |
| SK menyemai pemikiran kolektif tentang nilai kekitaan, kepercayaan dan takdir bersama bagi membentuk identiti masyarakat Malaysia. | 5.20 | 1.278 | 1.634 |
| SJK berkompomi dengan kualiti pendidikan. | 5.02 | 1.443 | 2.084 |
| SJK mengutamakan kualiti melalui disiplin, nilai dan prestasi. | 4.99 | 1.451 | 2.106 |
| Isu integrasi kaum dipengaruhi oleh faktor di luar sekolah. | 4.85 | 1.334 | 1.778 |
| Survival budaya dan identiti kaum minoriti adalah terletak kepada | 4.62 | 1.385 | 1.918 |

| | | | | |
|--------------|--|------|-------|-------|
| peranan SJK. | | | | |
| SJK | mengutamakan kumpulan etnik dan bersifat pemisah daripada aspirasi nasional. | 4.39 | 1.527 | 2.332 |
| Usaha | kementerian untuk menggabungkan pendidikan pelbagai bahasa dan budaya dicurigai. | 4.17 | 1.619 | 2.620 |

Sikap ibu bapa terhadap Sekolah Agama

Jadual 5 menunjukkan bahawa responden memberikan skor sangat tinggi hanya kepada satu item iaitu pernyataan bahawa pembelajaran di SA lebih membantu untuk menguasai ilmu agama berbanding di SK/SJK (5.36), dan skor tinggi kepada pernyataan bahawa pembelajaran di SA lebih baik berbanding SK/SJK (4.47). Pernyataan selebihnya adalah sederhana tinggi iaitu pembelajaran di SA lebih menghargai kepelbagaian bangsa dan budaya berbanding di SK/SJK (4.28), sijil kelulusannya lebih berharga (4.09), prospek pekerjaan lebih baik (4.07), lebih membantu menguasai Bahasa Melayu (4.00), lebih kuat bekerja (3.96), pemikiran lebih terbuka (3.95), menghargai perbezaan bangsa dan budaya (3.93), menguasai ilmu sains (3.83), dan matematik (3.80). Skor terendah dicatatkan bagi pernyataan bahawa pembelajaran sekolah agama dapat membantu para pelajar menguasai Bahasa Inggeris (Sederhana rendah, 3.55).

Jadual 5. Skor mean bagi setiap item sikap ibu bapa terhadap Sekolah Agama

| Pernyataan | Skor Purata | Sisihan Piawai | Varians |
|--|-------------|----------------|---------|
| Pembelajaran di SA lebih membantu untuk menguasai ilmu agama berbanding di SK/SJK. | 5.36 | 1.671 | 2.791 |
| Pembelajaran di SA lebih baik berbanding SK/SJK. | 4.47 | 1.614 | 2.605 |
| Pembelajaran di SA lebih menghargai kepelbagaian bangsa dan budaya berbanding di SK/SJK. | 4.28 | 1.620 | 2.626 |
| Kelulusan daripada SA lebih berharga berbanding SK/SJK. | 4.09 | 1.568 | 2.459 |
| Pembelajaran di SA dapat menyediakan | 4.07 | 1.543 | 2.382 |

| | | | | |
|--|---|------|-------|-------|
| prospek pekerjaan yang lebih baik berbanding SK/SJK. | | | | |
| Pembelajaran di SA | lebih membantu untuk menguasai bahasa Melayu berbanding di SK/SJK. | 4.00 | 1.597 | 2.551 |
| Pelajar SA | lebih kuat bekerja berbanding pelajar di SK/SJK. | 3.96 | 1.594 | 2.541 |
| Pemikiran pelajar SA | lebih terbuka berbanding di SK/SJK. | 3.95 | 1.590 | 2.527 |
| Pelajar di SA | lebih terbuka kepada bangsa dan budaya lain berbanding pelajar di SK/SJK. | 3.93 | 1.661 | 2.758 |
| Pembelajaran di SA | lebih membantu untuk menguasai ilmu sains berbanding di SK/SJK. | 3.83 | 1.508 | 2.273 |
| Pembelajaran di SA | lebih membantu untuk menguasai ilmu matematik berbanding di SK/SJK. | 3.80 | 1.557 | 2.426 |
| Pembelajaran di SA | lebih membantu untuk menguasai bahasa Inggeris berbanding di SK/SJK. | 3.55 | 1.520 | 2.310 |

Resam subjektif ibu bapa terhadap Sekolah Agama

Responden memberikan skor tinggi bagi semua item resam subjektif memilih Sekolah Agama seperti ditunjukkan di Jadual 6. Amnya pemilihan anak-anak ke sekolah agama lebih dipengaruhi oleh suami/isteri (Tinggi, 5.27), ibu bapa (Tinggi, 5.11) dan anak-anak (Tinggi, 4.58), berbanding pengaruh adik beradik (Sederhana tinggi, 3.93), jiran-jiran (Sederhana tinggi, 3.86) dan rakan-rakan (Sederhana tinggi, 3.82).

Jadual 6. Skor mean bagi setiap item resam subjektif ibu bapa terhadap Sekolah Agama

| Pernyataan | Skor Purata | Sisihan Piawai | Varians |
|--|-------------|----------------|---------|
| Isteri mempunyai pengaruh ketika saya membuat keputusan memilih sekolah untuk anak-anak. | 5.27 | 1.460 | 2.131 |

| | | | |
|--|------|-------|-------|
| Ibu bapa mempunyai pengaruh ketika saya membuat keputusan memilih sekolah untuk anak-anak. | 5.11 | 1.635 | 2.673 |
| Anak-anak mempunyai pengaruh ketika saya membuat keputusan memilih sekolah untuk mereka. | 4.58 | 1.602 | 2.568 |
| Adik beradik mempunyai pengaruh ketika saya membuat keputusan memilih sekolah untuk anak-anak. | 3.93 | 1.706 | 2.910 |
| Jiran-jiran mempunyai pengaruh ketika saya membuat keputusan memilih sekolah untuk anak-anak. | 3.86 | 1.550 | 2.401 |
| Rakan-rakan mempunyai pengaruh ketika saya membuat keputusan memilih sekolah untuk anak-anak. | 3.82 | 1.738 | 3.020 |

Kawalan tingkah laku ibu bapa terhadap Sekolah Agama

Responden memberikan skor sangat tinggi bagi semua item kawalan tingkah laku untuk memilih persekolahan anak-anak seperti ditunjukkan di Jadual 7. Responden bersedia memikul tanggungjawab dan mempunyai kemampuan kewangan (5.83), lokasi sekolah adalah berdekatan (5.60), sebagai pemutus untuk membuat keputusan persekolahan anak (5.52) dan kenyataan bahawa keputusan menghantar anak ke sekolah agama boleh dibuat sekiranya ingin berbuat sedemikian (5.51).

Jadual 7. Skor mean bagi item kawalan tingkah laku ibu bapa terhadap Sekolah Agama

| Pernyataan | Skor Purata | Sisihan Piawai | Varians |
|---|-------------|----------------|---------|
| Bersedia memikul tanggungjawab dan berkemampuan untuk membayar yuran sekolah. | 5.83 | 1.284 | 1.650 |
| Mempunyai pilihan untuk menghantar anak ke SK/SJK di lokasi | 5.60 | 1.332 | 1.773 |

| | | | |
|--|------|-------|-------|
| berdekatan. | | | |
| Pilihan anak bersekolah terletak di tangan saya. | 5.52 | 1.469 | 2.157 |
| Saya pasti bahawa sekiranya saya mahu, saya boleh menghantar anak ke sekolah pilihan saya. | 5.51 | 1.500 | 2.251 |

Hasrat keinginan ibu bapa terhadap Sekolah Agama

Data analisis di Jadual 8 menunjukkan bahawa responden memberikan skor tinggi terhadap pernyataan bahawa mereka berkeinginan untuk menghantar anak ke sekolah agama (4.91) dan berkemungkinan untuk berbuat demikian (4.79).

Jadual 8. Skor mean bagi setiap item hasrat keinginan ibu bapa terhadap Sekolah Agama

| Pernyataan | Skor Purata | Sisihan Piawai | Varians |
|--|-------------|----------------|---------|
| Saya berkeinginan menghantar anak ke SA. | 4.91 | 1.877 | 3.524 |
| Saya berkemungkinan menghantar anak ke SA. | 4.79 | 1.874 | 3.511 |

Perbincangan

Kajian ini menunjukkan bahawa kalangan ibu bapa menerima baik kepelbagaian pendidikan di Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan (SJKC/SJKT) dan Sekolah Agama (SA). Bagaimanapun ibu bapa lebih menghargai aspirasi pendidikan yang terdapat di Sekolah Agama berbanding di Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (SJKC/SJKT). Dapatan kajian seperti ini boleh dijangka kerana kajian ini hanya melibatkan responden daripada kalangan ibu bapa daripada keluarga Melayu. Faktor etnik merupakan faktor lebih berpengaruh berbanding pertimbangan rasional (Hyland et al., 2016). Walaupun terdapat kalangan ibu bapa yang mengatakan bahawa kualiti pendidikan di sekolah kerajaan telah merosot, namun tujuan utama mereka memilih Sekolah Agama adalah untuk memastikan anak-anak mereka menerima asas agama yang baik bagi membolehkan mereka mengamalkan Islam dan berpegang teguh kepada al-Quran dan Sunnah (Deviyati, 2016). Ibu bapa yang memilih sekolah agama turut berpendapat bahawa mata pelajaran di sekolah kebangsaan adalah penting iaitu bukan bersifat sekular sebaliknya merupakan sesuatu yang dituntut tetapi perlu dipelajari di dalam persekitaran

Islam. Kenyataan ini selari dengan dapatan kajian oleh Bakar et al. (2018) bahawa pembelajaran pendidikan Islam dan sokongan ibu bapa merupakan faktor paling signifikan mempengaruhi pelajar memilih sekolah agama. Krishnapillai et al. (2016) pula menyatakan bahawa faktor sosial mempunyai pengaruh terbesar terhadap pilihan sekolah, diikuti oleh hubungan ibu-bapa dengan sekolah (guru-guru), dan ciri-ciri sosial manakala penentu yang paling kurang berpengaruh ialah persekitaran sekolah.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa masyarakat Melayu memberi reaksi positif terhadap kewujudan sekolah vernakular (SJKC/SJKT) tetapi turut menyedari impak sekolah-sekolah ini terhadap proses integrasi dalam masyarakat. Walaupun faktor perancangan kerjaya masa depan, wilayah dan latar belakang sosioekonomi keluarga adalah penting dalam pilihan persekolahan, namun faktor bahasa dan agama merupakan yang paling dipertimbangkan oleh ibu bapa (Ismail, 2018). Keputusan ibu bapa bukanlah satu tindakan yang mudah kerana ia juga berkaitan dengan pemahaman seharian yang saling berubah-ubah akibat daripada peristiwa-peristiwa semasa yang berlaku yang mampu mengubah persepsi kumpulan etnik tertentu terhadap hal-ehwal kemasyarakatan dan akhirnya terhadap sistem pendidikan. Pemikiran seperti ini telah lama bertapak dalam masyarakat dan tidak akan mudah dipecahkan dalam jangka masa pendek. Lantaran itu sehingga kini ibu bapa sukar membuat pilihan yang bertentangan dengan amalan keluarga sebelumnya.

Kajian ini memberi implikasi terhadap inisiatif kementerian untuk mengurangkan stratifikasi antara kaum di sekolah-sekolah. Pembukaan sekolah-sekolah swasta samada berteraskan kurikulum kebangsaan atau kurikulum luar negara menambahkan lagi kesukaran tersebut. Agensi di peringkat negeri dan persekutuan seperti Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dituntut untuk melaksanakan program yang dapat merentas sempadan sekolah terutamanya bagi meningkatkan penglibatan bersama antara murid dari Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan, Sekolah Agama termasuk Sekolah Antarabangsa. Ini kerana pihak sekolah agak sukar untuk menganjurkan program integrasi di peringkat sekolah kerana komposisi muridnya terlalu homogen. Tambahan pula menurut Ling dan August (2021), kefahaman dan kepercayaan para pentadbir di sekolah-sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan berkaitan amalan pengekalan budaya dan matlamat penyatuan budaya nasional didapati berbeza-beza dan ini sekaligus mempengaruhi tindakan mereka di sekolah masing-masing. Pada masa yang sama Siah et al. (2015) menekankan bahawa peranan ibu bapa dalam menerapkan budaya bagi menghadapi pengaruh

persekitaran sekolah yang berbeza adalah sama penting dalam menentukan persepsi nilai-nilai budaya kaum masing-masing dalam kalangan pelajar di sekolah. Dapatan kajian yang hampir sama disuarakan oleh Chear et al. (2020) bahawa faktor persekitaran sekolah dan kehidupan seharian kanak-kanak dikhuatiri akan mempengaruhi tingkah laku mereka apabila keluar bermasyarakat.

Kajian lanjut bagi meningkatkan penglibatan pelbagai pihak diluar sekolah khususnya bagi memperkukuh identiti nasional dalam kalangan warga sekolah dan masyarakat adalah disaran. Permuafakatan antara agensi-agensi awam, swasta, berkepentingan kerajaan dan bukan kerajaan dengan pihak sekolah adalah ditagih untuk mewujudkan perkongsian persekitaran yang lebih terbuka antara sekolah dan masyarakat.

Rumusan

Ibu bapa khususnya masyarakat Melayu menerima baik kewujudan kepelbagaian sekolah tetapi berharap sekolah agama perlu lebih kehadapan. Penerimaan masyarakat Melayu terhadap peranan Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) dalam proses pengekalan budaya dan nilai murni amalan budaya tersebut perlu disambut baik oleh masyarakat pelbagai bangsa di negara ini untuk menerima dasar pendidikan khususnya berkaitan sistem sekolah kebangsaan.

Penghargaan

Pengumpulan data kajian dibantu oleh pelajar kohort K41 program Sarjana Muda Pendidikan (Kepujian) (Pendidikan Awal Kanak-Kanak) yang mengikuti kerja kursus Sejarah Pendidikan pada semester Ogos 2022 di Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor.

Rujukan

Abdullah, N. A. T., & Liu, O. P. (2018). Latar Belakang Sejarah Sistem Pendidikan dan Masyarakat Majoriti Minoriti di Malaysia. *International Colloquium on Integration Platform Binding Differences and Diversity*, 74–100.

Amin, M. H., & Jasmi, K. A. (2012). Sekolah Agama di Malaysia: Sejarah, Isu & Cabaran. *Penerbit UTM Press*. ISBN: 978-983-52-0791-4, February. http://www.booksonline.my/index.jsp?pageid=publicBook&type=BOOK&b_id=2176

Bakar, R. A., Akhir, N. E. F. M., Rosli, N. A., & Rani, N. (2018). Factors Influencing Pupils' Decision to

Choose Islamic Religious Secondary Schools (SMA): A Study among Standard Six Pupils. *Journal of Education and Social Sciences*, 9(1), 76–80.

Barbera, J., Naibert, N., Komperda, R., & Pentecost, T. C. (2021). Clarity on Cronbach's Alpha Use. *Journal of Chemical Education*, 98(2), 257–258. <https://doi.org/10.1021/acs.jchemed.0c00183>

Center for Public Policy Studies. (2016). Vernacular Education in Malaysia. *Center for Public Policy Studies*, 1–6. <http://cpss.org.my/>

Chear, S. L. S., Darkasi, S., Darini, F., Jaswir, I. S., & Hamid, N. I. A. (2020). Pengurusan Pusat Jagaan Kanak-Kanak Berkediaman (Persendirian / NGO) di Negeri Selangor. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(8), 22–32. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i8.457>

Chi Lick, P., Mahzan Awang, M., Razaq Ahmad, A., & Ahmad, A. (2019). *Multiculturalism of Education System in Shaping National Identity of Malaysia's Students*. 2, 243–246. <https://doi.org/10.32698/gcs.01105>

Chin, H. B., Feng, N. Y., & Yan, C. J. (2021). Investigating the Attributes of Chinese Primary School Adoption among the Malay Community in Malaysia. *ESTEEM Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(2), 151–164.

Deviyati, A. (2016). The Potential of Independent Religious Schools : A Case Study of Al-Amin. *Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS)*, 4.

Gliem, J. A., & Gliem, R. R. (2003). Calculating, Interpreting, and Reporting Cronbach's Alpha Reliability Coefficient for Likert-Type Scales. *Midwest Research to Practice Conference in Adult, Continuing, and Community Education*.

Guan, L. H. (2016). Malaysia's Gallant School System in Need of an Overhaul. *PERSPECTIVE ISEAS Yusof Ishak Institute*, 60, 1–8.

Hassan, M. I. A. (2021). Education in Malaysia before independence and its implications for the unification of Malaysian society. *Turkish Journal of Computer and Mathematics Education (TURCOMAT)*, 12(7), 3381–3386. <https://turcomat.org/index.php/turkbilmat/article/view/4538>

Husin, N. A. N., & Dawi, A. H. (2019). Peranan Sekolah Dalam Pembentukan Perpaduan Antara kaum

Dalam Kalangan Pelajar. *Jurnal Pendidikan Bitara Upsi*, 12, 18–28.

Hussein, H. H., & Abdullah, M. S. (2018). Keberkesanan Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RiMUP) Dalam Memupuk Kesepaduan Sosial. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB)*, Disember, 33–50. <https://doi.org/10.51200/manu.v0i0.1581>

Hyland, N., Cartledge, T., Schaub, S., Bell, J. de, & Abdelsattar, O. (2016). *Why parents choose: An ethnographic study into the factors affecting school choice in peninsular Malaysia*. Monash University. https://www.monash.edu.my/__data/assets/pdf_file/0006/2236515/An-Ethnographic-Study-Into-The-Factors-Affecting-School-Choice-in-Peninsular-Malaysia.pdf. 1–19.

Ismail, K. (2018). Ethnic boundaries and everyday understanding: The case of Malay and Chinese parental choice of National and National Type School in Peninsular Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 14(4), 1–12. <https://doi.org/10.17576/geo-2018-1404-01>

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023). Perangkaan Pendidikan Malaysia 2022. In *Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia*.

Krishnapillai, G., See Ying, K., Cheong Li Xin, P., Ka Kit, C., Ying Zhen, L., & Zhun Yeau, L. (2016). Secondary School Choice-What Do Parents Concern? *International Business Education Journal*, 9(1), 66–77.

Lee, P.-Y. D., Ting, S.-H., & Lo, M.-C. (2017). Influencing Chinese Parents' Choice of Primary. *Kajian Malaysia*, 35(1), 41–67.

Ling, T. M., & August, A. L. (2021). The Understanding of School Culture: A Comparative Study of Eight Vernacular Schools in Malaysia. *Journal of Advances in Social Science and Humanities*, 07(11), 1967–1977. <http://jassh.info/jassh/index.php/jassh/article/download/662/700>

Misbahrudin, N. T., Noor, A. H. M., & Rittiruam, C. (2021). A Review of Religious Education in Malaysia and Thailand. *Advances in Business Research International Journal*, 7(2), 138. <https://doi.org/10.24191/abrij.v7i2.14452>

Naidu, S. N. M. N., & Rajanthiran, S. (2021). Education in Malaysia: Educating for Inclusive-Holistic

Growth, Political Needs...?—The Transformation of Vernacular and Particularised Education towards Integration into “Malaysian Education.” *Open Journal of Social Sciences*, 09(03), 471–490. <https://doi.org/10.4236/jss.2021.93031>

Nor, M. R. M., & Othman, W. M. T. W. (2011). Sejarah dan Perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia. *At-Ta'dib*, 6(1). <https://doi.org/10.21111/at-tadib.v6i1.547>

Osman, M. M., Bachok, S., & Thani, S. N. 'Alia A. (2015). An Assessment of Physical Development in Religious Educational in Malaysia: Case Study of SAR and SABK in Perak. *Procedia Environmental Sciences*, 28(Sustain 2014), 427–432. <https://doi.org/10.1016/j.proenv.2015.07.052>

Rahman, Z. S. A. (2021). Unity in Malaysia through Religion and Culture. *International Journal of Innovative Research and Publications*, 1, 1–5. <https://doi.org/10.51430/ijirp.2021.12.001>

Raman, S. R., & Tan, Y. S. (2015). The development of Chinese education in Malaysia: Problems and challenges. *The ISEAS Working Paper*, 2(2), 1–28. <https://www.iseas.edu.sg/images/pdf/WP2015-02.pdf>

Selvadurai, S., Liu, O. P., Radzi, M. M., Hoon, O. P., & Tee, O. P. (2015). Debating education for nation building in Malaysia: National school persistence or vernacular school resistance? *Geografia : Malaysian Journal of Society and Space*, 11(13), 14–23.

Shanmugavelu, G., Ariffin, K., Thambu, N., & Mahayudin, Z. (2020). Development of British Colonial Education in Malaya, 1816 - 1957. *Shanlax International Journal of Education*, 8(2), 10–15. <https://doi.org/10.34293/education.v8i2.2072>

Siah, P. C., Ong, S. B. C., Tan, S. M., & Sim, C. P. (2015). Perception on Chinese values: A comparison of Chinese secondary students studying at national secondary schools and Chinese independent schools in Malaysia. *Social Science Journal*, 52(1), 62–68. <https://doi.org/10.1016/j.soscij.2014.08.006>

Sivalingam, A. D. (2021). History of Malaysian Education System: Year 1824 to 2020. *Social Sciences Education EJournal*, 4(7), 1–11. <https://doi.org/10.2139/ssrn.3735372>

Umar, A., & Hussin, S. (2010). Model Pengurusan Sekolah Agama Rakyat dan Negeri di Malaysia: Satu Penstrukturan Semula. *Seminar Pengurusan Hal Ehwal Islam Anjuran Jabatan Dakwah Da Kepimpinan, Fakulti*

Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, September.

Ursachi, G., Horodnic, I. A., & Zait, A. (2015). How reliable are measurement scales? External factors with indirect influence on reliability estimators. *Procedia Economics and Finance*, 20(15), 679–686. [https://doi.org/10.1016/s2212-5671\(15\)00123-9](https://doi.org/10.1016/s2212-5671(15)00123-9)

Wadkar, S. K., Singh, K., Chakravarty, R., & Argade, S. D. (2016). Assessing the reliability of attitude scale by Cronbach's Alpha. *Journal of Global Communication*, 9(2), 113. <https://doi.org/10.5958/0976-2442.2016.00019.7>

Wan, C. Da, Sirat, M., & Abdul Razak, D. (2018). Education in Malaysia Towards a Developed Nation. *ISEAS Yu*, 2018(4), 1–20.

Wen, O. S., & Chibundu, I. S. (2018). Debating vernacular school system in Malaysia: A comparative analysis of multi-lingual local newspapers. *SEARCH Journal of Media and Communication Research*, 10(2), 87–114.

Xia, N., Yang, Y., & Lee, Y. F. (2018). Chinese Education in Malaysia under Malaysian Ethnic Politics. *Journal of Politics and Law*, 11(2), 23. <https://doi.org/10.5539/jpl.v11n2p23>

Yaacob, N. H., Kassim, F., & Maslan@Baharudin, A. (2020). The Development Of Chinese Education In Federated Malay States Before The Second World War. *International Journal of Advanced Science and Technology*, 29(8), 3980–3992.